



Kenyataan Media

MCMC TERIMA ADUAN KANDUNGAN DALAM TALIAN CHINA PRESS, SIASATAN SEDANG DIJALANKAN

CYBERJAYA, 20 Januari 2026 – Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah menerima aduan rasmi daripada orang awam berhubung kandungan dalam talian terbitan China Press yang didakwa berunsur palsu melibatkan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim semasa Istiadat Pembukaan Sidang Parlimen, semalam.

Sehubungan itu, satu kertas siasatan telah dibuka dan siasatan sedang dijalankan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, berhubung penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan komunikasi yang berpotensi menyebabkan kekeliruan awam serta menjejaskan keharmonian masyarakat.

Pihak China Press telah dipanggil ke ibu pejabat MCMC untuk rakaman keterangan petang ini.

Dalam pada itu, MCMC menggesa orang ramai agar menyalurkan sebarang aduan atau maklumat berkaitan kandungan dalam talian secara rasmi melalui saluran aduan MCMC di portal aduan.mcmc.gov.my, bagi membolehkan tindakan sewajarnya diambil berdasarkan fakta dan proses yang sah.

MCMC turut menasihatkan orang ramai supaya tidak membuat spekulasi, komen melampau atau kenyataan bersifat fitnah, khususnya di media sosial dan memberi ruang kepada proses siasatan yang sedang berjalan.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: corporate.communications@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi
Dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



SKMM_MCMC



MCMCTV